



Sesi penyampaian sijil penganugerahan kepada Perdana Menteri Timor-Leste Kay Rala Xanana Gusmao - Sumber: Portal UMS

UMS Iktiraf PM Timor-Leste

oleh: Siti Zulaihah Amirkasan

RABU, 02 APRIL - Universiti Malaysia Sabah (UMS), telah memberi Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Hubungan Antarabangsa kepada Perdana Menteri Timor-Leste Kay Rala Xanana Gusmao yang berlangsung di Dewan Canselor UMS.

Penganugerahan tersebut telah disempurnakan oleh Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Dr. Haji Juhar Datuk Haji Mahiruddin merangkap Canselor UMS.

Majlis Konvokesyen Komemoratif ini, turut dihadiri Yang Amat Berbahagia Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, Ketua Menteri Sabah yang juga Pro Canselor UMS, Prof. Datuk Dr Mohd Harun Abdullah selaku Naib Canselor UMS, Prof. Dato' Mohd Hamdan Hj. Adnan,

Dekan Sekolah Sains Sosial, Pegawai-pegawai Utama UMS dan tetamu-tetamu jemputan khas serta mahasiswa UMS.

Pada tahun 2011 dan 2012, beliau telah menerima penganugerahan sarjana kedoktoran dari Universiti Coimbra, Portugal dan dari Universiti Charles Darwin Australia. Selain itu, Perdana Menteri Timor-Leste Kay Rala Xanana Gusmao pernah mendapat beberapa penghargaan pada tahun 2003, iaitu anugerah 'Path to Peace Award and Part to Peace Foundation', 'International Herald Tribune Leadership with Integrity Award' dan 'Business Week Stars of Asia Award'.

Buat kali pertamanya UMS telah menjalankan kerjasama secara bersama Kerajaan Timor Leste dengan menandatangi Pemeteraian Memorandum persefahaman (MoU) antara UMS dan Kementerian Pendidikan Republik Timur Leste .

Faktor yang menyumbang kepada terjalannya usaha kerjasama ini adalah dari aspek ekonomi, pelancongan dan penyelidikan. Melalui MoU yang ditandatangani, UMS akan menyediakan kepakaran dan kemahiran dengan mewujudkan skim latihan industri minyak dan gas, kepada 30 orang pelatih

terpilih dari Timor Leste yang ditawarkan untuk mengikuti pengajian diperingkat sijil dan diploma dalam bidang tersebut. Kerajaan Timor Leste masih kekurangan pakar yang berkebolehan untuk mengurus aset-aset penting yang dimiliki Negara dan Malaysia boleh menjadi rujukan terbaik.

Penganugerahan ini secara tidak langsung telah membentuk jalinan kerjasama antara dua buah Negara. Ini bertujuan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan strategik bersama, pertukaran idea dan pertukaran pelajar yang mana akan membuka peluang kepada kedua-dua pihak, bagi mencapai matlamat pembangunan yang menyumbang ke arah perkongsian pengalaman serta ilmu dalam disiplin hubungan antarabangsa.



Sumber: Portal UMS